

Kerjaya perancang bandar semakin diminati

» Pengajian ini juga menitikberatkan kefahaman berkaitan perancangan seperti aspek geografi, alam sekitar, ekonomi, kejuruteraan, ukur tanah, pengurusan serta sains asas

Oleh Nurul Anisah Szale
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Pembukaan dan pembangunan sesuatu kawasan seperti bandar baharu dan kawasan penempatan memerlukan perancangan, susun atur serta pelan yang sistematis.

Ini bertujuan untuk mengelakkan sesebuah kawasan yang dibangunkan itu mendatangkan masalah dalam jangka panjang seperti kesesakan, pencemaran serta pembangunan yang tidak teratur.

Perancang bandar ini merupakan satu daripada kerjaya yang penting dalam mengerjakan pembangunan, bukan sahaja di Malaysia namun di negara maju lain.

Penggiat bidang ini me-

ainkan peranan yang penting dalam memastikan pembangunan yang berlaku berasaskan perancangan yang rapi dan sempurna.

Melihat kepada kepentingannya, bidang ini banyak ditawarkan di kebanyakan institusi pengajian tinggi tempatan mahupun swasta.

Antara institusi yang menawarkan bidang ini ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) serta Politeknik di bawah Kementerian Pendidikan.

Peluang kerjaya terbuka luas

Kursus perancangan bandar dan wilayah yang ditawarkan di universiti awam (UA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) bertujuan melatih dan melahirkan perancang bandar dan wilayah yang diperlukan negara.

Selain itu, ia bertujuan membentuk dan memperkembangkan suatu rangka pendidikan yang sesuai dengan keperluan dan aspirasi negara pada masa kini dan akan datang.

Semasa pengajian pelajar akan didedahkan berkaitan bidang ini termasuk teori perancangan, prinsip dan amalan, undang-undang, teknik-teknik perancangan, mereka bentuk serta pengetahuan asas perancangan.

Pengajian ini juga menitikberatkan tentang kefahaman yang berkaitan perancangan seperti aspek geografi, alam sekitar, ekonomi, kejuruteraan, ukur tanah, pengurusan serta sains asas.

Pelajar tidak perlu bimbang dengan peluang pekerjaan selepas menamatkan pengajian dalam bidang ini kerana keluasannya mempunyai peluang kerjaya yang baik di mana pelajar boleh bekerja di jabatan atau agensi kerajaan termasuk Perbadanan Pembangunan Bandar.

Bagi menceburi bidang perancang bandar dan wilayah, individu perlu memiliki sekurang-kurangnya lima keupayaan dalam mata pelajaran yang diwajibkan, termasuk Bahasa Melayu dan Matematik.



Perancang bandar akan berbincang dengan lebih teliti bagi mengelakkan sebarang masalah.